



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“ISLAM MENINGKATKAN KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU”

4 November 2022 / 9 Rabiul Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلُ:

﴿وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا
وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾﴾

Maksudnya: Ingatlah ketika Tuhan mu berfirman kepada Malaikat, “Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya (tentang hikmah) ketetapan Tuhan itu dengan berkata, “Adakah Engkau (Wahai Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), pada hal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Mu dan menyucikan Mu?” Allah berfirman, “Sesungguhnya Aku lebih mengetahui apa-apa yang tidak kamu ketahui”
(Surah al-Baqarah ayat 30)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Bersempena tarikh sambutan rasmi ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak kali ke-66 pada 4 November 2022, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “ISLAM MENINGKATKAN KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU”

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Khalifah ialah orang yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk mengatur kehidupan manusia di bumi berdasarkan wahyu dan syariat supaya kehidupan manusia teratur dan mempunyai tujuan hidup yang suci murni serta mendapat keredaan Ilahi.

Meskipun dalam ayat 30 Surah Al-Baqarah, ditanya oleh Malaikat akan penentuan Allah SWT menjadikan manusia khalifah di bumi, namun Allah berfirman, Dia lebih mengetahui. Demikian penentuan Ilahi yang menciptakan manusia untuk menjadi khalifah di bumi ini, dan seterusnya memberikan kuasa pemerintahan dalam kalangan manusia mengikut penentuan Nya. Terkandung dalam ayat-ayat al-Quran istilah khalifah, imam, sultan, malik, amir, wali dan Ulil Amri, membayangkan kedudukan manusia yang dipertanggungjawabkan dengan amanah kepimpinan.

Islam mengiktiraf kedaulatan pemerintah dengan istilah “Ulil Amri”. Rasulullah SAW menamakan pemerintah yang baik dengan beberapa nama iaitu “Imam yang adil” yang layak mendapat perlindungan Arasy Allah SWT pada hari kiamat. Pemerintah yang adil termasuk dalam golongan penghuni syurga dan golongan yang tidak ditolak doa mereka. Sabda Nabi SAW: “sebaik baik pemerintah ialah yang kamu mengasihinya dan dia mengasihi mu, seburuk buruk pemerintah ialah yang kamu benci kepadanya dan dia membenci mu”. Pemerintah yang adil ialah pemerintah yang menjunjung kebenaran dan tidak menuruti hawa nafsu seperti yang diperingatkan oleh Allah SWT kepada Nabi Daud AS melalui ayat 26, Surah Sad:

﴿يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾﴾

Maksudnya: Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan mu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepada mu); dan janganlah kamu menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan mendapat azab yang berat pada hari perhitungan, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu. (Surah Sad ayat 26)



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kedaulatan merupakan aspek utama yang memberikan kesahihan, sekali gus mencorakkan sistem perlembagaan sesebuah negara. Bahawasanya, kedaulatan negara ini berpaksikan pada kedudukan Raja-Raja Melayu. Sembilan buah negeri yang menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957, ialah negeri-negeri yang diperintah oleh Raja Melayu yang meneruskan kedaulatan bersumberkan ajaran Islam dan bersendikan adat Melayu. Islam dan Institusi Raja Melayu merupakan unsur teras jati diri bangsa.

Kedaulatan bersumberkan Islam menetapkannya milik mutlak Allah SWT dan kedudukan insan yang dikurniakan kedaulatan sebagai pemegang amanah. Firman Allah dalam ayat 26, Surah Ali Imran;

﴿قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ
مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad), “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki! Engkau yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah juga yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkau sahajalah terdapat segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.”
(Surah Ali Imran ayat 26)

Nyatalah Islam merupakan kekuatan yang mengukuhkan kedaulatan seorang raja pemerintah. Seorang raja pemerintah itu berkedudukan sebagai wakil yang dipertanggungjawabkan dengan amanah Allah di bumi ini. Darjat raja pemerintah kurniaan Ilahi, sebenarnya ialah tugas dan tanggungjawab. Dari sudut khilafah, iaitu sistem pemerintahan umum berteraskan syariah, khalifah disifatkan sebagai pengganti Rasulullah SAW untuk menjaga urusan agama, politik dan dunia dengan cara pemerintahan berpandukan sunah Rasulullah SAW. Pada hakikatnya, kalimah syahadah yang dilafazkan oleh ketua negara dan ahli syura yang menguruskan pemerintahan dan kerajaan, ialah pernyataan penting pelestarian kedaulatan bersumberkan ajaran Islam. Dalam kalimah syahadah, terkandung pengakuan sifat *uluhiyyah* bagi Allah SWT



yang diistilahkan sebagai kedaulatan oleh ahli sains politik Islam. Sifat *uluhiyyah*, bermaksud seseorang yang menganut agama Islam wajib mengimani kemutlakan Allah SWT dalam setiap kekuasaannya.

Seorang ketua negara beragama Islam tidak boleh melucutkan kewajipan untuk memenuhi perintah Allah SWT apatah lagi dalam kedudukan sebagai ketua agama dan pemerintah tertinggi. Menegakkan pemerintahan berlandaskan hukum Allah terkandung dalam sumpah jawatan Sultan Perak.

Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan

Kuasa pemerintahan itu adalah amanah daripada Allah SWT yang perlu disempurnakan bertunjangan keadilan, syura dan baiah. Raja yang adil ialah raja yang menyantuni setiap lapisan rakyat jelata. Menurut Imam al-Ghazali dalam karyanya '*Nasihah al-Muluk*' (nasihat buat raja-raja), seorang raja yang baik, ialah raja yang dihormati dan disayangi oleh rakyat kerana peribadi, kesolehan dan keadilannya. Oleh sebab itu, wajarlah seorang raja itu berusaha agar dirinya disayangi rakyat, kerana dengan kasih sayang rakyat terhadap dirinya, akan membawa permuafakatan dan kesatuan dalam wilayah kerajaannya. Malah amat perlu bagi raja pemerintah, pada setiap masa mendapatkan maklumat balas daripada rakyat bawahan tentang pandangan mereka terhadap pemerintahan, agar membolehkan raja pemerintah berusaha memperbaiki kelemahan dan kepincangan yang berlaku di dalam negeri.

Imam al-Ghazali turut menasihatkan para pemerintah agar tidak mencari kasih sayang manusia dengan melakukan perkara-perkara yang meskipun popular atau disukai ramai, tetapi bertentangan dengan syarak. Imam al-Ghazali memperingatkan akal ialah punca terbitnya segala kebahagiaan dan kesejahteraan. Dengan tunduknya nafsu (*shahwah*) dan kemarahan (*ghadab*) kepada akal, maka seorang raja pemerintah itu akan mengekang dirinya daripada bersifat *takabbur*. Ditegaskan pentingnya seorang raja bersifat adil; yang dicerminkan dalam *wa'ad* atau perjanjian antara raja dengan rakyat, melalui kata-kata, 'raja adil raja disembah – raja zalim raja disanggah'.

Islam menegaskan agar seorang raja pemerintah itu menyempurnakan amanah pemerintahan dengan sifat-sifat mahmudah, mengurus tadbir negeri dengan ilmu dan kebijaksanaan, dan berusaha memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat, mencetus pelbagai idea untuk memakmurkan negeri dan memikirkan pelbagai kaedah untuk menyelesaikan pelbagai isu dan kemelut yang melanda negeri.



Sesungguhnya raja pemerintah diamanahkan dengan tanggungjawab berat untuk memastikan negerinya aman dan damai; rakyatnya hidup dalam rukun dan damai, di samping dapat menikmati kemakmuran ekonomi yang diagihkan secara adil lagi saksama. Oleh itu amatlah penting raja pemerintah itu dibantu dan dipagari oleh para ulama dan umara yang taat dan setia memenuhi tuntutan Allah dan Rasul, yang ikhlas dan jujur, serta yang berilmu dan berpengetahuan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَ وَاتَّقَاكَ
وَاتَّبَعَ رِضَاكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakanlah pintu hati kami untuk beristiqamah dalam memastikan keharmonian dan kesepaduan rakyat negeri Perak di bawah payung naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan seterusnya memelihara perpaduan dan persaudaraan sesama kami, demi kebaikan dan kemaslahatan umat Muslimin keseluruhannya.

Ya Dzal Jalaali Wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman dan hati kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Qahhar Ya Jabbar!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba-Mu yang amanah, jujur dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, Bersempena sambutan rasmi ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muizzuddin Shah Al-Maghfur-Lah ke-66 tahun, kami pohonkan agar sepanjang tempoh baginda menjunjung amanah seorang Amirulmukminin, Engkau kurniai bimbingan agar baginda

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



memberi naungan yang adil lagi saksama kepada setiap warga, tanpa mengira kaum – tanpa mengira agama, agar takhta pemerintahan diyakini berperanan sebagai tonggak kestabilan – sumber keadilan – teras perpaduan – tenaga penyatuan dalam kepelbagaian. Seiring dengan gelaran Muizzuddin Shah, ‘muizzuddin’ bermaksud ‘pemerksa agama’, dan berpandukan keinsafan baginda bahawa kuasa pemerintahan ialah amanah daripada Illahi, semoga syiar Islam akan berkembang dan pemerintahan baginda didaulatkan dengan roh Islam.

Mimbar dan seluruh rakyat jelata menyembahkan ucapan DIRGAHAYU TUANKU.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
 نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.